



**SK CONVENT SENTUL (1), JALAN TANAH LAPANG, SENTUL,
51000 KUALA LUMPUR**

**PENILAIAN KENDALIAN SEKOLAH RENDAH
PKSR 2 TAHUN 2014**

SEJARAH

**TAHUN 4
MASA : 1 JAM**

NAMA : _____ **KELAS :** _____

Arahan :

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian

A dan B. Bahagian A terdiri daripada 30 soalan yang diikuti dengan empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Pilih hanya

satu jawapan yang betul dan hitamkan pada ruang jawapan yang disediakan.

2. Bahagian B terdiri daripada soalan subjektif. Anda dikehendaki

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA		
BAHAGIAN A	SOALAN OBJEKTIF	/ 60 markah
BAHAGIAN B	SOALAN SUBJEKTIF	/ 20 markah
KERJA KURSUS / SAHSIAH		/ 20 markah

BAHAGIAN A (30 Markah)

Kertas soalan ini mengandungi pilihan jawapan A, B,C dan D.Pilih jawapan yang paling tepat.Kemudian, hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.

1. Kamus Dewan mentakrifkan sejarah sebagai _____.
 - A Peristiwa yang benar-benar berlaku pada masa lampau.
 - B Tindakan manusia dan sebab mereka melakukannya.
 - C Cerita dan perbuatan manusia yang berlaku dalam masyarakat.
 - D Peristiwa yang berlaku dengan bukti-bukti sejarah.

2. Sumber pertama sejarah terdiri daripada _____.
 - A majalah, fosil, buku.
 - B Fosil, manuskrip, artifak.
 - C manuskrip, artifak, fosil.
 - D Majalah, akhbar, buku.

Soalan 3 berdasarkan pernyataan berikut :

kajian menggunakan kaedah carigali artifak dan fosil dikenali sebagai _____”

- A Kajian sosiologi.
- B Kajian arkeologi.
- C Kajian Zoologi.
- D Kajian Geografi.

4. Kerajaan British memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada _____

- A 31 Ogos 1955. C 13 Ogos 1985.
B 31 Ogos 1957. D 23 Ogos 1957.

5. Sijil kelahiran merupakan _____

A sijil rasmi yang mengandungi keterangan mengenai butir-butir kelahiran.

B maklumat ringkas diri seseorang yang mengandungi nama dan jantina.

C sijil penghargaan yang mengandungi maklumat diri seseorang.

D sijil khas untuk bayi yang baru lahir.

6. Apakah panggilan bapa dan ibu mengikut suku kaum Iban ?


	Bapa	Ibu
A	Ba ba	Ma ma
B	Apai	Indai
C	Appa	Amma
D	Ayah	Ibu

7. _____ bertanggungjawab menguruskan hal berkaitan program akademik sekolah.

A Guru Besar. C Guru Penolong Kanan
Hal Ehwal Murid


B Guru Penolong Kanan Pentadbiran D Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum

Soalan 8 berdasarkan pernyataan berikut:



8. Berdasarkan pernyataan, siapakah yang sepatutnya dirujuk Hafiz bagi membantu situasi yang dihadapinya ?
- A Guru Besar.
 - B Guru Penolong Kanan Pentadbiran
 - C Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
 - D Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum
9. Alamat yang lengkap memudahkan kita _____.
- A mengenalpasti lokasi sesebuah rumah dan tempat.
 - B mengesan tuan rumah dengan pantas.
 - C menghantar hadiah hari lahir kepada rakan.
 - D menziarahi saudara mara.

Soalan 10 berdasarkan gambar berikut:



10. Rumah Kutai merupakan rumah tradisional orang Melayu di _____

- A Johor. C Melaka.
B Negeri Sembilan. D Perak.

Soalan 11 berdasarkan pernyataan berikut :

X
ialah timbunan besar ais yang bergerak perlahan-lahan menuruni cerun dan merebak ke permukaan laut.

11. X dalam pernyataan di atas merujuk kepada _____.

- A glasier C lautan
B daratan D benua

12. Benua dan lautan terbentuk apabila _____

- A Suhu bumi menurun dan hujan lebat.
B Suhu bumi meningkat dan berlaku pergerakan glasier kali kedua.
C Air batu menutupi bumi.
D Air batu mulai cair.

13. Antara berikut, yang manakah termasuk dalam kepulauan Melayu?

- I Selat Melaka
- II Sulawesi
- III Tanah Melayu
- IV Pulau Kapas

- A I dan II.
- B I dan IV.
- C I, II dan III
- D II, III dan IV

14. Zaman Pra Sejarah ditakrifkan sebagai _____.

- A Zaman manusia belum mempunyai tulisan.
- B Zaman sebelum masihi.
- C Zaman dimana manusia tinggal dalam gua.
- D Zaman manusia menggunakan kaedah carigali.

15. Berikut merupakan ciri-ciri manusia pada zaman Paleolitik **KECUALI** _____.

- A berpindah randah .
- B senjata lebih halus buatannya.
- C memburu binatang.
- D tinggal dalam gua.

16. Zaman Mesolitik berlaku antara zaman _____ dan zaman _____.

- A Paleolitik dan Neolitik
- B Neolitik dan Logam.
- C Logam dan Paleolitik.
- D Pra sejarah dan Logam.

17. Apakah bukti yang menunjukkan manusia pada zaman Neolitik lebih maju daripada zaman sebelumnya ?


- A Senjata lebih halus. C Tahu mengebumikan mayat.
B Menjalankan perdagangan sistem barter. D Merupakan zaman batu akhir.

18. Manakah antara berikut merupakan alat yang dicipta pada zaman Logam ?

- I Kapak
- II Mata lembing
- III Tembikar tanah
- IV Sabit

- A I dan III C I, II dan III
B II dan III D I, II dan IV

Soalan 19 berdasarkan rajah berikut :



19. Antara P, Q, R dan S, yang manakah menunjukkan arah mata angin Timur Laut ?

- A P C R
B Q D S

20. Kerajaan Melayu awal yang terletak di persisiran pantai dikenali juga sebagai ____.

- A Kerajaan Maritim.
- B Kerajaan Kedah Tua
- C Kerajaan Santubong.
- D Kerajaan Gangga Negara .

21. Yang manakah antara berikut **BUKAN** ciri tokoh terbilang ?

- A Boleh dicontohi.
- B Berwibawa
- C Mementingkan diri.
- D Disegani.

22. _____ berada di atas puncak susun lapis masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka .

- A Sultan
- B Bendahara
- C Temenggung.
- D Laksamana.

Soalan 23 berdasarkan pernyataan yang diberi.

Penasihat Peribadi Sultan	<input type="text"/>
Pemimpin Perang	<input type="text"/>
Ketua Diplomat	<input type="text"/>

23. Ciri-ciri diatas menunjukkan peranan seorang _____ pada zaman Kesultanan Melayu Melaka .

- A Sultan
- B Bendahara
- C Temenggung
- D Laksamana

24. Menurut sumber China dan Portugis, pengasas Kesultanan Melayu Melaka ialah ?

- A Temagi C Sultan Iskandar Syah
B Parameswara D Penghulu Bendahari

Soalan 25 berdasarkan pernyataan berikut :

Parameswara mendapati Temasik berkembang maju dan ingin menjadi pemerintah disitu.

25. Apakah peristiwa yang berlaku selepas itu ?

- A Parameswara telah menyerang Temagi
B Parameswara berundur ke Muar.
C Parameswara tiba di Sungai Bertam.
D Parameswara menyelamatkan diri dari serangan Majapahit.

Soalan 26 berdasarkan pernyataan yang diberi :



Tokoh Y

- Memegang jawatan Bendahara Melaka.
- Berperanan memperluaskan Kesultanan Melayu Melaka
- Telah berkhidmat dibawah empat orang sultan

26. Siapakah **Tokoh Y** yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas ?

- A Tun Mahathir C Tun Perak
B Tun Sri Lanang D Tun Kudu

27. Apakah strategi Tun Perak dalam menangkis serangan Siam kali kedua ?

- A Mengupah pemuda yang gila-gila bahasa dan mengikat Jamung di pantai.
- B Menyuruh Pahlawan Kelang membawa ahli keluarga pergi berperang.
- C Menggunakan teknik balas dendam.
- D Mematahkan serangan Siam.

28. _____ ialah Laksamana yang masyhur semasa Kesultanan Melayu Melaka.

- A Hang Jebat
- B Hang Tuah
- C Hang Kasturi
- D Hang Lekir

29. Yang manakah **TIDAK BENAR** berkaitan peranan Hang Tuah sebagai Laksamana

Melaka?

- A Ketua Angkatan Laut
- B Pemangku Sultan
- C Mengetuai utusan ke negara luar
- D Pengawal peribadi Sultan

30. Nyatakan sifat Laksamana Hang Tuah yang paling menonjol semasa berkhidmat

kepada Sultan Melaka.

- A Bijaksana
- B Berani
- C Kesetiaan tidak berbelah bahagi
- D Bertanggung jawab

BAHAGIAN B (20 Markah)

Arahan :

Bahagian B merupakan soalan berbentuk Subjektif. Anda dikehendaki menjawab semua soalan dalam ruang jawapan yang disediakan.

A. Nyatakan Jenis Sumber Pertama berikut dengan betul.

1. Tinggalan haiwan atau tumbuhan dari zaman lampau
2. Naskhah tulisan tangan
3. Barang tinggalan yang dicipta oleh manusia

(3 markah)

B. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

biodata	salasilah	panggilan	bahagia
asas	salam	kebenaran	

1. _____ merupakan susur galur sesebuah keluarga.
2. Kita perlu memberikan _____ ketika berjumpa dengan orang lain.
3. Kita perlu meminta _____ daripada ibu, bapa atau penjaga sebelum keluar rumah.
4. _____ dalam anggota keluarga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.
5. Keluarga _____ terdiri daripada bapa, ibu dan anak-anak.

(7 markah)

6. Maklumat diri seseorang dikenali sebagai _____


10

Penilaian Kendalian Sekolah Rendah

PKSR 2/ Sejarah/ Tahun 4

7. Keluarga yang _____ dapat mengukuhkan kasih sayang.

C. Lengkapi Peta Pemikiran Buih Berganda yang berikut dengan berdasarkan ciri-ciri manusia pada zaman Paleolitik dan Neolitik yang telah disediakan.



(7 markah)


Mencari Hasil Hutan	
Mempunyai ketua	Sistem Barter
Tinggal di kawasan lapang	Tinggal dalam gua
Berpindah-randah	Wujud 40 000 tahun dahulu

D. Lengkapkan susun lapis pemerintahan semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka berikut.

Rakyat
Biasa

Pembesar (Bendahara,
Temenggung, Penghulu
Bendahari, Laksamana)

Sultan dan
Kerabat Diraja



Selamat Menjawab.
KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh,

.....
PN.SAMSIAH BT ABU YAMIN
Ketua Panitia
Sejarah / Kajian Tempatan

Disahkan oleh,

.....
PN.NOORVEDA BT HASHIM
GPK Hal Ehwal Murid
(HEM)